

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS, TAHUN 2017**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

SOALAN : 167

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada agihan peruntukan masa untuk siaran radio (siaran perkhidmatan kaum orang Ulu) di Sarawak khususnya di stesen siaran radio bahagian utara Sarawak.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

RTM mempunyai stesen radio tempatan di Miri dan Limbang yang menjadi penempatan kebanyakan masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Masyarakat Orang Ulu bertutur dalam bahasa Kayan, Kenyah, Bisaya dan Lun Bawang.

Waktu siaran stesen-stesen berkenaan mengikut bahasa masyarakat Orang Ulu adalah seperti berikut:

STESEN	BAHASA	WAKTU SIARAN
MIRIfm	Bahasa Kayan	12.00 Tengah Hari – 6.00 Petang
	Bahasa Kenyah	11.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
LIMBANGfm	Bahasa Lun Bawang	12.00 Tengah Hari – 3.00 Petang
	Bahasa Bisaya	3.00 Petang – 6.00 Petang